

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. PROFESOR DATIN DR. SUZANA SULAIMAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSOLOR UiTM

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG UCS

SEMPENA HARI KUALITI PERINGKAT UCS

Terima kasih diucapkan kepada Pengacara Majlis.

[Salutasi- kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama dalam MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG UCS, SEMPENA HARI KUALITI PERINGKAT UCS
2. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada UiTM Cawangan Selangor atau lebih sinonim dipanggil sebagai UCS, atas kejayaan penganjuran majlis ini. Majlis penganugerah ini diadakan bagi menghargai dan meraikan warga UCS yang cemerlang.
3. Seperti yang kita sedia maklum, tema Hari Kualiti UiTM pada tahun 2023 ialah 'Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti'. Sehubungan dengan itu, syabas diucapkan kepada UCS kerana menyahut dan menyambut Hari Kualiti di UCS dengan tema yang selari dengan UiTM iaitu 'Integriti Pemangkin Kecemerlangan Organisasi'.

4. Dua (2) tema yang lain bunyinya tetapi menyasarkan matlamat yang sama iaitu Kelestarian Kualiti di UiTM.
5. Saya dimaklumkan, bersempena dengan Hari Kualiti Sedunia, UCS telah mengambil inisiatif melalui pelaksanaan anugerah cemerlang ini dengan mencungkil kualiti dan kecemerlangan staf dan jabatan melalui kategori yang dipertandingkan.
6. Perlu ditekankan, bahawa kualiti dan kecemerlangan tidak boleh dipisahkan. Ini kerana, berdirinya UiTM sebagai sebuah organisasi yang gah bermula dari kawalan kualitinya.
7. Kualiti kerja amat dititik beratkan dalam pengurusan organisasi kerana tanpa kawalan kualiti, akan wujud kepincangan fungsi, kemandirian (survival) dan kelangsungan (continuity) organisasi itu. Tambahan pula, UiTM mmerancang sasaran berasaskan kepada pelbagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI), *rating* dan *ranking* yang perlu dicapai dalam bersaing secara sihat bersama IPT lain.

8. Kualiti juga boleh diterjemahkan sebagai darjah kecemerlangan yang tinggi dan bermutu yang mana ianya dilihat melalui:

- perubahan budaya kerja cemerlang,
- pemantapan dokumentasi dan rekod jabatan,
- program akademik yang berteraskan pengiktirafan dunia,
- projek inovasi dan kecemerlangan operasi dalam penambahbaikan berterusan dan lain-lain.

9. Mantan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, sering menekankan kualiti adalah pemula kepada kecemerlangan melalui matriks yang telah tersedia. Kita tidak akan tersasar sekiranya pengurusan dan operasi organisasi dilaksanakan dengan mengambilkira matrik kualiti tersebut.

10. Sesungguhnya kecemerlangan tenaga kerja adalah pemacu kepada kegemilangan sesebuah organisasi. Ini selaras dengan hasrat UiTM dalam memacu perubahan minda yang percaya kepada kemampuan dan kejayaan diri untuk mencapai GRU2025. Seperti yang disampaikan dalam Amanat Naib Canselor 2022 “*Tell them what to do, Monitor, and Reward Them!*” Ini juga menjurus kepada

peningkatan Tahap Kegembiraan UiTM iaitu salah satu KPI UiTM.

11. Pengiktirafan akan mewujudkan organisasi yang positif, produktif dan inovatif. Ia turut menggalakkan tindakan dan merangsang pemikiran staf untuk mempercayai bahawa dirinya memiliki potensi dan berkemampuan untuk terus menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.
12. Pengiktirafan kepada staf juga secara hakikatnya merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada kualiti kerja yang cemerlang dan berjaya memenuhi ekspektasi yang diperlukan.
13. Tahniah saya ucapkan kepada UiTM Cawangan Selangor. Semoga anugerah kecemerlangan ini dapat memacu kepada kecemerlangan UiTM.
14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan **Hari Anugerah Cemerlang UCS bersempena Hari Kualiti Peringkat UCS.**

Sekian.

**Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**